

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG  
TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**, berdaftar dengan **Syarikat Suruhanjaya Malaysia (SSM)** dan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan/bekalan berikut:

No. Tender	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 155/2019	Membekal Kabinet 'Custom Made' Untuk Jabatan-Jabatan Yang Berkaitan Di Majlis Perbandaran Kajang Bagi Tahun 2019	SSM,  Kementerian Kewangan Malaysia *sertakan bersama Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputra &  UPEN	020101	50.00	17 Oktober 2019 Hingga 31 Oktober 2019

**LAWATAN TAPAK**

Kontraktor yang berminat menyertai tawaran sebutbarga di atas digalakkan membuat lawatan tapak dalam tempoh **tujuh (7) hari dari tarikh dokumen mula dijual** bagi memudahkan proses melengkapkan kadar harga di dalam dokumen sebutbarga. Penyebutharga terlebih dahulu perlu merujuk Bahagian Bekalan dan Perolehan untuk membuat temujanji.

**DOKUMEN TAWARAN**

Dokumen Tawaran boleh disemak pada waktu pejabat di Kaunter Bahagian Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Majlis Perbandaran Kajang, Selangor Darul Ehsan mulai tarikh iklan disiarkan. Sebarang pertanyaan sila hubungi Bahagian Bekalan dan Perolehan di talian **03-87368017 sambungan 7022, 7011, 7200, 7023 dan 7014**.

Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara On-line di lawan sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Pembelian Dokumen Tawaran secara On-line diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebutbarga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **17HB. OKTOBER 2019 HINGGA 31HB OKTOBER 2019**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

## **TARIKH PENYERAHAN**

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di** Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Majlis Perbandaran Kajang, Selangor Darul Ehsan **SEBELUM atau PADA 31HB. OKTOBER 2019 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAHARI.**